

09 AUG 1997

Mahathir-Pemuda

PEMUDA BN DIAJAK TERUSKAN PERJUANGAN ALA-BN

KUALA LUMPUR, 9 Ogos (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata Barisan Nasional (BN) akan menganjurkan satu konvensyen untuk anggota pemudanya supaya mereka dapat memahami perjuangan BN secara lebih mendalam.

"Tujuan konvensyen ini ialah supaya kita semua dapat memahami perjuangan BN dengan lebih mendalam supaya mereka boleh meneruskan perjuangan ala-BN," kata Dr Mahathir, yang juga Pengerusi BN, selepas mempengerusikan mesyuarat Dewan Tertinggi BN di sini hari ini.

Beliau berkata konvensyen itu bukan untuk berdebat mengenai bagaimana menukar prinsip BN tetapi sebaliknya untuk memahaminya agar perjuangan BN yang menumpukan kepada pembangunan negara dapat dikekalkan.

"Kita nak kekalkan BN ini. BN sekarang ini sudah menjadi contoh kepada banyak negara berbilang kaum yang lain dan kita menjadi contoh kerana anggapan pihak lain bahawa kita mempunyai satu sistem yang berjaya," kata Presiden Umno itu.

Perdana Menteri berkata sistem yang diamalkan oleh BN selama ini akan dikekalkan kerana ia telah membawa kemajuan dan keamanan kepada rakyat dan negara.

"Kita dapati bahawa kejayaan negara kita disebabkan oleh kerjasama dan persefahaman serta sikap toleransi yang terdapat dalam BN.

"Sebenarnya, keadaan Malaysia sekarang ini disebabkan oleh prinsip BN yang biasa dikaitkan dengan 'smart partnership' (perkongsian bijak) yang membawa kepada situasi yang semua pihak menang (a win-win situation)," kata Dr Mahathir.

Beliau berkata berdasarkan kepada faktor itu, semua pemimpin parti komponen BN berpendapat bahawa amalan BN itu perlu diteruskan.

Dr Mahathir berkata mereka juga bersetuju bahawa "dalam BN, tidak akan ada sesiapa yang akan puas hati seratus peratus".

"Semua ahli-ahli BN akan merasa tidak puas hati kerana permintaan mereka dalam apa juga bidang tidak akan dapat layanan sepenuhnya, yang bermakna bahawa kita adil kepada semua parti (komponen BN)," kata beliau.

Dr Mahathir berkata mesyuarat hari ini juga telah bersetuju supaya Menteri Besar dan Ketua Menteri dilantik sebagai Pengerusi BN negeri masing-masing.

Timbalan Menteri Penerangan Datuk Suleiman Mohamed, yang juga Ketua Perhubungan Umno Wilayah Persekutuan, pula dilantik sebagai Pengerusi BN Wilayah Persekutuan.

Mereka juga bersetuju supaya mesyuarat BN peringkat negeri diadakan di negeri-negeri tempat diadakan mesyuarat mingguan Kabinet, kata Dr Mahathir.

-- BERNAMA

TM NMO